

H1N1 catat 59 kes baru

Kosmo 17/05/2009

M/S 2

PUTRAJAYA - Sejumlah 59 pesakit lagi disahkan positif selesema babi atau Influenza A

Influenza A
H1N1



(H1N1) sehingga petang semalam, menjadikan jumlah terkumpul individu yang dijangkiti virus tersebut di seluruh negara ialah 14,385.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Mohd. Ismail Merican berkata, sebanyak 595 kes penyakit serupa influenza (ILI) pula masih dirawat di dalam wad dengan 77 disahkan positif H1N1.

Beliau berkata, 12 kes H1N1 itu masih dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan sembilan daripadanya melibatkan individu yang mempunyai faktor risiko.

Penularan H1N1 bukan sahaja masih aktif dalam negara malah di seluruh dunia, katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau mengingatkan mereka yang mempunyai simptom ILI seperti demam, batuk, selesema dan sakit tekak mengelakkan tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai.

Mohd. Ismail menasihatkan mereka yang mempunyai gejala ILI supaya segera mendapatkan pemeriksaan dan rawatan di klinik atau hospital berhampiran kerana rawatan awal penting untuk mengelakkan komplikasi dan kematian.